

PM bertahan sebab sokongan rakyat

UM 20 JUL 2001

KUALA LUMPUR 19 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad boleh bertahan selama 20 tahun sebagai Perdana Menteri kerana sokongan padu rakyat terhadap kepimpinannya walaupun beliau menerima pelbagai tuduhan dan tohmahan oleh musuh politiknya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar berkata, Dr. Mahathir telah diiktiraf oleh dunia kerana kejayaannya membangunkan Malaysia dan banyak negara membangun sentiasa berharap akan mendapat seorang pemimpin seperti beliau.

“Dr. Mahathir telah meletakkan Malaysia di peta dunia walau apa pun kritikan atau penentangan oleh mereka yang tidak menyenangkannya, terutama pembangkang.

“Kita percaya kesudahannya sejarahnya akan menghakimi beliau dengan lebih adil sebagai pemimpin dan negarawan yang sukar dicari ganti,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang)** mengenai faktor-faktor Dr. Mahathir boleh bertahan lama walaupun sudah membayangkan hendak bersara tetapi terus menerajui kerajaan pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu kepada soalan asal Fong, Noh berkata,

bekerja kuat untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Noh berkata, semua rakyat Malaysia harus mempunyai keyakinan diri bahawa apa yang boleh dibuat oleh bangsa lain yang maju dapat dilakukan oleh rakyat Malaysia.

“Apa yang perlu ada ialah perubahan sikap, yakin kepada diri sendiri, tekun berusaha dan tidak takut kepada kegagalan, jangan cepat putus asa dan sentiasa berpegang kepada slogan ‘Malaysia Boleh,’” ujarnya.

Menurutnya, pelajaran dan penguasaan dalam Teknologi komunikasi maklumat adalah modal penting yang akan memastikan negara terus berada di barisan hadapan dalam mengejar kemajuan setanding dengan negara-negara maju.

Katanya, segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan bagaimanapun kerap terhalang kerana terdapat pihak pembangkang yang cuba menghalang pelaksanaan sesuatu projek dengan menghasut rakyat melalui penyebaran maklumat palsu dan fitnah.

“Sejarah telah membuktikan parti pembangkang tidak pernah merestui sebarang projek pembangunan yang dibuat oleh kerajaan walaupun ia adalah untuk kebaikan rakyat,” ujarnya.

pencapaian terbaik kerajaan pimpinan Dr. Mahathir ialah apabila Malaysia mampu mengekalkan kestabilan dan keharmonian sebagai negara berbilang kaum.

Katanya, rakyat Malaysia yang majmuk mempunyai perasaan bersedia untuk bertolak ansur, memahami sensitiviti kaum lain, bersedia berkongsi keuntungan ekonomi dan kuasa.

Menurut beliau, semangat lain yang dipupuk adalah saling menghormati dan faktor-faktor itu akan terus menjamin kestabilan, kemakmuran dan keamanan negara.

“Hasrat kerajaan juga ialah untuk melihat semua rakyat Malaysia berusaha bersungguh-sungguh dan